

09/06/2001

Asean kaji semula kedudukan Afta

Jamhariah Jaafar in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Asean akan berunding semula mengenai kedudukan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) selepas mengkaji kesan Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan beberapa negara di luar pertubuhan serantau itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia percaya dengan pasaran yang dijanjikan Afta, tetapi ingin memastikan saingan yang bakal berlaku mesti adil, iaitu hanya sesama negara anggota, bukannya membabitkan negara luar yang mengambil kesempatan dari 'pintu belakang'.

"Kami tidak kisah sekiranya Singapura ingin mengadakan perjanjian dengan negara lain, tetapi apa yang kami bimbang ialah ada negara yang akan menggunakan Singapura sebagai pintu belakang untuk (menembusi pasaran) negara Asean lain.

"Jika itu berlaku, Malaysia akan menghadapi masalah sebab sebaik saja Afta dilaksanakan, produk kami tidak mungkin dapat bersaing dengan negara terbabit umpamanya Jepun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Ketujuh Mengenai Masa Depan Nikkei-Asia di sini, hari ini.

Ketika ini, Singapura yang juga sebuah negara bebas cukai, telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Jepun, New Zealand dan Australia.

Tindakan Singapura itu mencetuskan perasan tidak puas hati di kalangan negara anggota Asean.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, semua negara anggota Asean juga bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan Afta kerana perjanjian yang dipersetujui sebelum berlaku krisis kewangan pada 1997 itu, boleh mencetuskan banyak masalah.

"Kami setuju bahawa kami patut mempunyai kadar tarif yang rendah di kalangan negara anggota, tetapi timbul pula kemungkinan ada syarikat luar (dari negara bukan anggota Asean) boleh mengambil kesempatan daripada perjanjian itu," katanya.

Mengambil contoh industri automobil, Dr Mahathir berkata, Malaysia yang kini menggunakan 90 peratus kandungan tempatan, akan menghadapi persaingan sukar dengan negara anggota yang mempunyai pelaburan syarikat luar.

"Ini kerana mana-mana syarikat yang mempunyai 40 peratus kandungan tempatan boleh menyertai Afta.

"Malaysia tidak mungkin boleh bersaing dengan syarikat kereta luar yang kaya tetapi mempunyai kilang pemasangan di negara Asean lain," katanya.

Ditanya soalan yang sama ketika sidang akhbar dengan wartawan tempatan, Perdana Menteri berkata, ketika perundingan peringkat awal Afta, Malaysia belum memiliki sebarang pengalaman atau kesan globalisasi.

"(Sekarang) Kita sudah memiliki pengalaman itu dan membuka ekonomi kita (kepada dunia luar) boleh menghasil kesan pemusnah," katanya.

Mengenai pandangan Asean berhubung layanan antarabangsa terhadap anggotanya, Myanmar, Perdana Menteri berkata, Malaysia secara peribadi akan terus memberi sokongan dan kerjasama kepada negara itu.

Katanya, tidak adil bagi masyarakat antarabangsa menghukum seluruh rakyat sesebuah negara hanya kerana mereka tidak suka dengan sistem pemerintahan atau pemerintahnya.

Beliau yang juga pemangku Menteri Kewangan, turut ditanya sekali lagi

mengenai tindakan Malaysia yang masih tidak menilai semula kedudukan ringgit.

"Pendirian Malaysia ialah kecuali nilai mata wang negara pesaing kami menurun atau meningkat pada kadar 20 peratus dan tidak beranjak, maka pada ketika itulah kami akan menimbang untuk menilai semula kadar pertukaran kami," katanya.

Buat masa ini, katanya, Malaysia tidak menghadapi sebarang masalah sebaliknya masih dapat mencatat lebih dagangan yang stabil.

"Jadi tidak ada sebab mengapa kami perlu menilai semula mata wang kami," tegasnya.

Diminta mengulas mengenai sistem pendidikan masa kini pula, Dr Mahathir berkata, semua negara patut memberi tumpuan kepada soal moral dan etika berikutan semakin ramai generasi muda yang terpengaruh dengan anasir yang tidak diingini.

Katanya, masalah generasi muda juga dialami Malaysia kerana itu sistem pendidikan negara memberi tumpuan kepada subjek agama dan moral.

"Kami perlu mengajar semula generasi muda mengenai makna nilai murni dalam usaha untuk memiliki satu generasi yang baik dan berguna serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa depan," katanya.

(END)